

بَابُ حُكْمِ إِيْمَانِ الْعَبْدِ الْأَبْقِ

Bab Hukum Iman Hamba Yang Lari.²⁵⁵

٥٦- عَنْ جَرِيرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّمَا عَبْدٍ أَبَقَ فَقَدْ بَرَّتْ مِنْهُ الذِّمَّةُ

56- Jarir r.a. meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila seorang hamba sahaya lari dari tuannya, terlepaslah jaminan (Allah dan RasulNya) daripadanya.”²⁵⁶

yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Nasab atau keturunan manusia adalah suatu yang amat penting dalam kehidupan mereka. Ia merupakan salah satu ni'mat besar kurniaan Tuhan untuk mereka. Mengingkarinya adalah suatu dosa besar dan boleh memporak-perandakan institusi kekeluargaan. (2) Manusia haruslah tahu mengenai asal-usul mereka. (3) Bahaya memalsukan ma'lumat penting. (4) Manusia tidak boleh dicela dan diejek kerana keturunannya. (5) Haram meratapi orang mati. Cara yang sebetulnya dalam menghadapi kematian ialah bersabar.

²⁵⁵ Al-Itsyubi membuat tajuk bab seperti di atas. Imam Nawawi, Qadhi `Iyaadh dan kebanyakan penyusun matan Shahih Muslim membuat tajuk begini: باب تسمية العبد الأبق كافرا (Bab Mengatakan Hamba Yang Lari Itu Kafir), al-Ubbi membuat tajuknya begini: باب إباق العبد (Bab Hamba Yang Lari), as-Sanusi pula membuat tajuk bab ini begini: باب العبد الأبق إذا أبق فهو كافر (Bab Hamba Yang Lari, Bila Dia Lari, Dia Jadi Kafir), al-Qurthubi tidak juga membuat sebarang tajuk di sini.

²⁵⁶ Maksud الذمة di sini ialah jaminan Allah dan rasulNya untuk melindungi dan membelanya. Keadaan ini akan berlaku sekiranya hamba itu menganggap perbuatan melarikan diri itu halal. Sekiranya ia enggan bertaubat walaupun setelah diminta, dia mesti dibunuh kerana kemurtadannya. Jika tidak begitu, maka dia hanya terkeluar daripada kehormatannya sebagai seorang beriman yang mendapat jaminan Allah dan rasulNya. Dia bahkan boleh dihukum atas perbuatannya melarikan diri itu. Tidak ada sesiapa pun boleh menghalang tuannya daripada menghukumnya jika ia mahu. Menurut Ibnu as-Shalah, perkataan الذمة di sini boleh juga dipakai dengan ma'na kehormatan, ya'ni hamba itu tidak ada lagi kehormatannya. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Seseorang hamba tidak boleh melarikan diri daripada tuannya. Begitulah hukumnya, jika tuannya tidak melakukan sebarang kejahatan terhadapnya. Jika si hamba didera oleh tuannya, pihak kerajaan haruslah memerdekakannya dan bekas tuannya itu tidak akan memiliki sebarang hak lagi atas hamba tersebut. Sekiranya dia tetap berkeras untuk mendapatkannya kembali, orang-orang Islam mestilah menghalangnya. (2) Kemerdekaan yang diperolehi oleh seorang hamba daripada tuannya dengan cara yang elok akan membuatkan hubungan bekas hamba dan bekas tuannya itu bertambah rapat. Ikatan walaa' mengeratkan lagi hubungan seorang tuan dengan hambanya. Ia juga termasuk dalam hubungan kekeluargaan yang sah menurut Syara'. (3) Sebagaimana seorang manusia itu hanya boleh diperhambakan melalui cara yang syar'i, kebebasannya juga mestilah hanya mengikut cara yang syar'i. (4) Perbuatan seorang hamba melarikan diri daripada tuannya adalah satu dosa besar. (5)

٥٧- عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ يُحَدِّثُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا أَبَقَ الْعَبْدُ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ

57- Jarir bin `Abdullah r.a. meriwayatkan, katanya: Nabi s.a.w. bersabda: “Apabila seseorang hamba sahaya lari (dari tuannya), maka sembahyangnya²⁵⁷ tidak diterima.”²⁵⁸

Hadits-hadits seperti ini tidak seharusnya dijadikan bukti bahawa Islam menyukai dan merestui sistem perhambaan yang berlaku di sepanjang sejarah manusia.

²⁵⁷ Yang dimaksudkan di sini bukanlah sembahyang sahaja, tetapi merangkumi juga puasa dan lain-lain amalan kebajikan. Sembahyang disebutkan secara khusus di sini sebagai kinayah; kerana itulah amalan kebajikan yang paling utama.

²⁵⁸ Al-Qurthubi berpendapat, hadits ini boleh dipakai secara zahir jika hamba itu menganggap perbuatannya itu halal; kerana dengan sebab itu dia menjadi kafir dan amalan kebajikan orang kafir memang tidak diterima oleh Tuhan. Jika dia tidak menganggapnya halal, sembahyangnya itu tidak sah menurut pendapat orang yang mengatakan sembahyang di dalam rumah yang dirampas itu tidak sah. Orang-orang yang mengatakan sembahyang itu sah pula, mereka mengatakan hadits tersebut adalah untuk menyatakan besarnya dosa melarikan diri itu. Dosa yang diperolehinya kerana perbuatan tersebut adalah lebih besar daripada pahala yang diperolehinya daripada sembahyangnya. Seolah-olahnya dia tidak mendapat pahala langsung, kerana yang paling utama untuknya ketika itu bukanlah ber`ibadat, tetapi kembali semula kepada tuannya. Pahala yang diperolehinya hasil daripada ber`ibadat itu tidak akan cukup untuk melepaskannya daripada hukuman yang bakal ditimpakan Tuhan ke atasnya. Hadits ini sama ma`nanya dengan sebuah hadits lain yang berbunyi: *إن شارب الخمر لا تقبل منه صلاة أربعين يوما* Bermaksud: Sesungguhnya orang yang minum arak itu tidak diterima sembahyangnya selama empat puluh hari. (Hadits riwayat Nasaa'i, Daruqutni dan lain-lain). Menurut Ibnu as-Shalah pula, sembahyangnya itu tidak diterima oleh Tuhan kerana ia disertakan dengan ma`shiat, tetapi ia sah sekiranya cukup syarat dan rukun-rukunnya. Tidak ada apa yang bercanggah di dalam hadits ini. Dengan kata lain, sembahyangnya itu tidak perlu diqadha' dan dia juga tidak akan dihukum oleh Tuhan kerana meninggalkan sembahyang, cuma dia tidak mendapat pahala saja. Sembahyangnya itu hanya sekadar boleh melepaskan kewajiban. Pendapat beliau ini menarik. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik** daripada hadits ini ialah: (1) Amalan hamba hanya akan diterima, atau diberikan pahala, atau berfaedah untuknya di akhirat kelak sekiranya hamba tersebut tidak melakukan dosa besar, terutamanya yang bersangkutan-paut dengan manusia. (2) Seseorang yang telah melakukan dosa besar perlulah bertaubat agar amal `ibadatnya berfaedah kepadanya. Sekiranya dosa itu berkaitan dengan manusia, dia perlulah menyelesaikannya dengan cara meminta ma`af, membayar ganti rugi, memulihkan keadaan, kembali kepada tuannya (dalam kes hamba yang lari) atau sebagainya yang diperlukan agar amalan kebajikannya diterima kembali oleh Tuhan. (3) Tidak ada faedahnya `ibadat yang disertakan dengan ma`shiat. (4) Tidak ada gunanya sibuk dengan perkara yang sunat, sekiranya perkara yang wajib pun belum terlaksana, begitu juga dengan perkara yang wajib, sekiranya perkara wajib yang lebih utama daripadanya belum terlaksana. (5) Soal keutamaan haruslah diberikan perhatian dalam memilih `ibadat atau perkara-perkara lain yang akan dikerjakan.